



Rujukan : UKM BEN 100-1/3/3

Tarikh: 21 November 2019

PEKELILING BENDAHARI BIL. 9/2019

Dekan/ Pengarah/ Ketua/ Pengetua
Fakulti/ Institut/ Pusat/ Jabatan/ Kolej Kediaman
Universiti Kebangsaan Malaysia

Y.Bhg. Prof. Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

JADUAL PENUTUPAN AKAUN UNIVERSITI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memaklumkan berkenaan dengan jadual penutupan akaun selaras dengan penyediaan Penyata Kewangan UKM bagi tahun berakhir 31 Disember 2019. Oleh itu, Pusat Tanggungjawab (PTj) dikehendaki menyelaraskan semua aktiviti dan pengurusan kewangan mengikut tempoh yang telah ditetapkan supaya Penyata Kewangan UKM ini dapat dikemukakan sepertimana yang diarahkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

2. Untuk makluman Y.Bhg. Prof. Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan, proses penutupan akaun Universiti ini akan dilaksanakan melalui Sistem Kewangan dan Perakaunan Universiti (UFAST) dan Sistem CHEtS Perakaunan Pesakit (PA). Sehubungan dengan itu, bagi melancarkan proses penutupan ini, PTj diminta untuk mematuhi jadual yang telah ditetapkan seperti di **Lampiran 1**.

3. Sebarang pertanyaan berkenaan dengan perkara ini boleh menghubungi Unit Akaun, Jabatan Bendahari di talian 03-89214286/ 4440 atau melalui emel akaunbend@ukm.edu.my dan Unit Akaun, Jab. Bendahari (Kampus KL) di talian 9145 5240/ 5242/ 5197 atau email akaunjkw@ppukm.ukm.edu.my berkaitan dengan Kampus KL.

Sukacita sekiranya pekeliling ini dapat disampaikan kepada semua pegawai dan kakitangan seliaan. Kerjasama Y.Bhg. Prof. Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan amat dihargai.



JABATAN BENDAHARI

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Telefon: +603-8921 3000 Faksimili: +603-8921 3058 E-mel: bndahari@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/bendahari>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • *Inspiring Futures, Nurturing Possibilities*



www.ukm.my

Sekian, terima kasih.

“Akauntabiliti Pegangan Kita”

Yang benar,



NORINI MOHAMAD

Pengarah Eksekutif Kewangan
Universiti Kebangsaan Malaysia

- s.k
- Naib Canselor, UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Penyelidikan & Inovasi), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Akademik & Antarabangsa), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar & Alumni), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Jaringan Industri & Masyarakat), UKM
 - Pro Naib Canselor (Strategi dan Pembangunan Korporat)
 - Pro Naib Canselor (Penjanaan dan Prasarana)
 - Pro Naib Canselor (Kampus Kuala Lumpur)
 - Pengarah Eksekutif Pentadbiran, UKM



JABATAN BENDAHARI

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Telefon: +603-8921 3000 Faksimili: +603-8921 3058 E-mel: bnadahari@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/bendahari>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • *Inspiring Futures, Nurturing Possibilities*



www.ukm.my

LAMPIRAN 1

**JADUAL PROSES PENUTUPAN AKAUN UNIVERSITI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

Bil	Perkara	Tarikh Akhir
1.	<p><u>Urusan Perolehan</u></p> <p>i. Tarikh akhir terima Borang Permohonan Pesanan Rasmi (BPPR) di Jabatan Bendahari dan PTj</p> <p>ii. Tarikh akhir pengeluaran Pesanan Rasmi (PR) oleh Jabatan Bendahari dan PTj menggunakan peruntukan mengurus/ hasil tahun 2019. Tempahan Pesanan (TP) dan BPPR yang tidak sempat dikeluarkan dalam tahun 2019 perlu dibatalkan. TP yang telah selesai dan masih berbaki hendaklah ditamatkan.</p>	<p>13 Disember 2019 Jumaat</p> <p>27 Disember 2019 Jumaat</p> <p>HCTM: 31 Disember 2019 Selasa</p>
2.	<p><u>Urusan Pembayaran</u></p> <p>i. Tarikh akhir mengemukakan Akuan Penerimaan Barang (APB) dan Arahan Pembayaran (Daftar Bil) termasuk bagi pembelian Aset dan Inventori bagi tahun 2019.</p> <p>Nota: APB dan Daftar Bil yang berstatus Edit yang menggunakan peruntukan mengurus/ hasil sahaja dan tidak sempat dikemukakan kepada Jabatan Bendahari hendaklah dibatalkan / diluluskan sebelum atau pada 31 Disember 2019.</p> <p>ii. Tarikh akhir meluluskan Daftar Bil oleh Jabatan Bendahari.</p> <p>iii. Tarikh akhir penyediaan Baucar bayaran oleh Jabatan Bendahari.</p> <p>iv. Tarikh akhir penyediaan cek dan janaan EFT oleh Jabatan Bendahari.</p>	<p>20 Disember 2019 Jumaat</p> <p>31 Disember 2019 Selasa</p> <p>31 Disember 2019 Selasa</p> <p>31 Disember 2019 Selasa</p>



JABATAN BENDAHARI

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Telefon: +603-8921 3000 Faksimili: +603-8921 3058 E-mel: bndahari@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/bendahari>

Bil	Perkara	Tarikh Akhir
3.	<p><u>Urusan Penyediaan Invois</u></p> <p>i. Tarikh akhir mengemukakan dokumen bagi proses pengeluaran Invois kepada Jabatan Bendahari (Kampus Kuala Lumpur)</p> <p>ii. Tarikh akhir meluluskan invois oleh PTj dan Jabatan Bendahari.</p>	<p>20 Disember 2019 Jumaat</p> <p>31 Disember 2019 Selasa</p>
4.	<p><u>Urusan Penyediaan Resit</u></p> <p>i. Tarikh akhir menyediakan dan meluluskan Resit dan Kelompok Kutipan (KK) oleh PTj dan Jabatan Bendahari.</p>	<p>31 Disember 2019 Selasa</p>
5.	<p><u>Urusan Pendaftaran Aset</u></p> <p>i. Tarikh akhir pendaftaran aset dan inventori termasuk hadiah yang diterima sepanjang tahun 2019 di PTj.</p>	<p>10 Januari 2020 Jumaat</p> <p>HCTM: 6 Januari 2020 Isnin</p>
6.	<p><u>Urusan Inden Barang Stor (HCTM, Kampus Kuala Lumpur)</u></p> <p>i. Tarikh akhir pengesahan permohonan barang Stor Pusat menggunakan aplikasi e-Inden</p> <p>ii. Penutupan Aplikasi e-Inden</p> <p>iii. Penutupan proses pengeluaran/ pengedaran barang.</p> <p>Nota : Sila Pastikan Permohonan Inden Barang Stor Pusat melalui aplikasi e-Inden hendaklah di inden mengikut keperluan Jabatan sehingga 31 Disember 2019</p>	<p>06 Disember 2019 Jumaat</p> <p>7 Disember 2019 - 2 Januari 2020</p> <p>16 - 31 Disember 2019 Isnin-Selasa</p>



JABATAN BENDAHARI

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Telefon: +603-8921 3000 Faksimili: +603-8921 3058 E-mel: bndahari@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/bendahari>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • *Inspiring Futures, Nurturing Possibilities*



www.ukm.my

Bil	Perkara	Tarikh Akhir
7.	<p><u>Pengauditan Pengiraan Fizikal Stok dan Panjar Wang Runcit di PTj</u></p> <p>i. Pengauditan Pengiraan Fizikal Stok</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kampus Bangi termasuk Zon Cheras dan Jalan Raja Muda • HCTM, Kampus Kuala Lumpur <p>ii. Pengauditan Panjar Wang Runcit</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kampus Bangi termasuk Zon Cheras dan Jalan Raja Muda • HCTM, Kampus Kuala Lumpur 	<p>20 Disember 2019 (Jumaat)</p> <p>26 - 27 Disember 2019 (Khamis-Jumaat)</p> <p>Januari 2019</p> <p>26 - 27 Disember 2019 (Khamis-Jumaat)</p>

*Nota: Jabatan Bendahari juga merujuk kepada Zon-Zon Kewangan dan Jabatan Bendahari, Kampus Kuala Lumpur.



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

Cert. No. QMS 02549

JABATAN BENDAHARI

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Telefon: +603-8921 3000 Faksimili: +603-8921 3058 E-mel: bndahari@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/bendahari>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • *Inspiring Futures, Nurturing Possibilities*



www.ukm.my